

Lihat Sesuatu, Laporkan Sesuatu

Januari 2025



Rajah 1. Gegeleung hos yang sama

Sepasukan ahli audit telah melawat sebuah stesen muat/ punggah yang baru dipasang. Seorang ahli audit melihat dua gegelung hos yang berhampiran mempunyai warna yang sama dan penyambung yang serupa. Satu daripadanya dilabelkan dengan udara termampat, manakala yang lain sebagai nitrogen. Seorang ahli audit bertanya cara kendalian hos tersebut. Hos udara ini digunakan sebagai alat pneumatik manakala hos nitrogen digunakan untuk menginertkan lori tangki semasa aktiviti pemuatan.

Ahli audit menegaskan sekiranya hos serupa ini bertukar, sebuah trak tangki yang sepatutnya diinertkan dengan nitrogen mungkin berada dalam julat mudah terbakar. Bahaya ini tidak dikenalpasti oleh mana-mana pihak semasa semakan reka bentuk atau Semakan Keselamatan Pra-Permulaan. Saluran udara tersebut telah dikunci sehingga situasi ini dilaksanakan dan disemak menggunakan MOC. Wujud bahaya kedua. Sekiranya seseorang menyambungkan saluran nitrogen ini ke alat berkuasa udara, mereka berisiko terdedah kepada atmosfera rendah oksigen yang boleh mengakibatkan pengsan.

Situasi ini merupakan contoh persoalan mudah oleh individu yang berpotensi mencegah dua insiden serius. Situasi ini juga menekankan keperluan untuk bersuara apabila mengenalpasti keadaan yang kelihatan meragukan.

Tahukah Anda?

- Isyarat yang lemah adalah petunjuk kepada kemungkinan sesuatu ralat. Berdasarkan rajah 1, isyarat lemah adalah hos yang serupa dan berpotensi untuk penggunaan yang salah.
- Peralatan yang mengeluarkan bunyi atau getaran yang berbeza adalah isyarat lemah akan sesuatu ralat dan memerlukan perhatian.
- Isyarat lemah sering meningkat hingga menjadi isyarat kuat – kegagalan atau kebocoran peralatan yang tidak boleh diabaikan.
- Kebanyakan insiden besar mempunyai isyarat lemah atau tanda amaran yang diabaikan sebelum berlaku. Isyarat-isyarat ini menjadi jelas hanya selepas terjadinya insiden.
- Maklumkan kepada orang lain mengenai isyarat lemah. Menyemak situasi dan memastikan keadaan selamat adalah lebih baik berbanding mengharapkan isyarat itu tidak penting.
- Individu yang berkebolehan mengenalpasti perbezaan adalah bagus. Sekiranya perbezaan itu tidak direkodkan kepada yang orang lain untuk disemak dan diambil tindakan pembetulan, bahaya tersebut akan terus wujud.
- Penulisan prosedur yang lemah juga merupakan isyarat lemah. Prosedur ini mungkin sesuai untuk digunakan oleh pengendali berpengalaman tetapi boleh menimbulkan kekeliruan kepada pekerja baru.

Apa yang Boleh Anda Lakukan?

- Apabila anda melihat sesuatu yang meragukan, maklumkan kepada penyelia kawasan. Mereka boleh membawa sumber yang betul untuk menyemak situasi dan memulakan pembaikan jika perlu.
- Pantau perubahan yang berlaku dari pemerikssan terakhir semasa rondaan atau pemeriksaan lapangan. Catat dan bertanyakan perubahan tersebut.
- Prosedur yang mengelirukan hendaklah dibetulkan. Jika dengan meletakkan diagram atau gambar dapat menambah baik prosedur tersebut, cadangkan kepada penyelia anda.
- Perhatikan isu khusus semasa berada di lapangan – kotak elektrik terbuka, paip sample tanpa palam, atau tolok tidak boleh dibaca adalah situasi yang perlu dibetulkan untuk mencegah kemungkinan insiden.

Jika kelihatan sesuatu yang meragukan- TANYA! Anda mungkin dapat menyelamatkan nyawa!